

## *Menyemai Budaya Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran*

**Haslina Ishak**

haslina\_ishak@moe.edu.sg

**Nuraina Mohamed Sin**

nuraina\_mohamed\_sin@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Fuhua

### *Abstrak*

Murid perlu diberikan pelbagai pilihan ketika menjalani proses pembelajaran. Lebih-lebih lagi, berdasarkan Kecekapan abad ke-21 dan hasil pendidikan yang diingini, para pelajar dikehendaki untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Namun, perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai kerana mereka tidak biasa dan tidak kerap didedahkan kepada situasi yang merangsang untuk mereka melakukan sedemikian. Lazimnya, mereka akan lebih bergantung kepada guru untuk membantu mereka dalam proses berfikir. Kertas kajian ini membincangkan keberkesanannya dalam menggunakan pendekatan komunikatif di bilik darjah secara berfasa dengan murid Darjah 5. Kaedah pembelajaran berasaskan masalah dan teori '*The Elements of Reasoning*' oleh Richard Paul (1992) telah diperkenalkan kepada murid untuk menerap budaya berfikir dalam diri mereka dan menjana pemikiran yang kritis. Dapatkan kajian menunjukkan murid lebih berupaya untuk memberikan idea dengan lebih baik. Mereka juga dapat melakukan refleksi secara matang dan lebih aktif dalam perbincangan di bilik darjah. Selain itu, mereka juga mampu mengutarakan pendapat yang lebih bernalas hasil daripada perbincangan dengan guru dan rakan-rakan berdasarkan kaedah dan pendekatan yang digunakan. Kini, murid tidak lagi kelihatan bosan bila diajak berbincang atau menjawab soalan yang ditanyakan oleh guru.

Kata Kunci: proses berfikir, kemahiran abad ke-21, kritis, kreatif



## **PENGENALAN**

Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2004 telah menyarankan agar Kurikulum Bahasa Ibunda menggunakan pendekatan yang berpusatkan murid yang memerlukan pengajaran bersifat interaktif dan memberikan mereka peluang untuk menggunakan Bahasa Ibunda dengan fasih dan yakin dalam situasi yang berbeza-beza. Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah mampu untuk memberi peluang kepada murid untuk belajar dalam situasi yang autentik. Hal ini memberi ruang buat mereka untuk memikirkan perkara-perkara yang dekat dengan pengalaman sedia ada mereka. Secara tidak langsung, murid menjadi lebih selesa dalam menggunakan Bahasa Ibunda ketika mengutarakan pendapat dan pandangan mereka meskipun berbeza daripada pandangan rakan-rakan yang lain.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menilai keberkesanan pendekatan komunikatif di bilik darjah menerusi Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah;
2. memberi peluang kepada murid untuk melalui proses pembelajaran yang relevan; dan
3. menilai keberkesanan membantu murid berfikir secara kritis dan analitis.

## **PENYATAAN MASALAH**

Murid perlu dididik untuk mengenal pasti masalah berdasarkan situasi yang diberikan demi memastikan mereka dapat memahami konteks atau situasi yang diberikan. Lazimnya mereka mahu menjawab soalan yang diutarakan guru dengan cepat namun jawapan yang diberikan kurang bernes dan mereka juga tidak mampu memberikan penjelasan bagi apa yang telah mereka nyatakan. Hal yang sama juga dilihat semasa latihan dan penilaian bagi kemahiran lisan. Mereka sering gagal mengembangkan idea yang disampaikan dengan baik dan meyakinkan.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Cindy E. Hmelo Silver (2004), murid yang diberi peluang untuk belajar menerusi pengalaman untuk menyelesaikan masalah, mampu untuk memahami isi pengajaran yang hendak disampaikan dengan baik serta boleh menguasai strategi berfikir. Hal ini disokong oleh Barrows dan Tamblyn (1980) yang berpendapat bahawa pembelajaran berasaskan masalah sangat sesuai bagi menghasilkan pelajar aktif kerana memberi penekanan terhadap masalah atau situasi yang autentik dan memberi peluang kepada mereka untuk bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri.

Richard Paul (1992) pula menyatakan adalah sukar bagi seseorang untuk membuat perbandingan antara fakta dan pendapat dalam kehidupan sehariannya. Namun, hal ini akan menjadi mudah dengan adanya andaian atau pemikiran yang rasional oleh individu itu. Pemikiran yang rasional ini sering dipengaruhi oleh kepercayaan dan sebab-sebab tertentu seperti pengalaman peribadi yang dialami olehnya. Andaian dan pemikiran seperti ini yang bakal membantu seseorang individu itu mencorak pemikiran yang boleh dianggap lebih berdasar.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian ini terdiri daripada 51 orang murid Darjah 5 yang daripada dua buah kumpulan. Kumpulan pertama telah menjalani sesi pembelajaran pada awal tahun 2015 sementara yang kedua pula pada pertengahan tahun 2015. Kedua-dua kumpulan dibimbing oleh dua orang guru yang berlainan. Kajian bagi setiap kumpulan murid telah dijalankan selama satu penggal. Pengumpulan data telah dilakukan berdasarkan perbincangan kumpulan, hasil kerja individu milik murid, pemerhatian guru dan refleksi murid yang dijalankan di bilik darjah. Keberkesanan kajian yang berbentuk kualitatif ini telah diukur khususnya melalui hasil kerja murid.



## Instrumen Kajian

Kebolehan murid untuk mengutarakan sebab serta pendapat mereka turut perlu diasah. Richard Paul (1992) menyarankan agar menggunakan ‘*The Elements of Reasoning*’ bagi merangsang murid untuk berfikir secara kritis kerana ia berupaya untuk menjana pemikiran yang lebih baik dan terarah. Maka itu dalam fasa kedua murid terlibat dalam proses berfikir secara kritis yang lebih mendalam dan berstruktur. Ia memerlukan mereka menjelaskan sebab atau pemikiran di sebalik setiap pandangan yang mereka nyatakan. Teks sastera Badang telah digunakan bagi membolehkan murid berbincang tentang tema, nilai dan pencirian watak yang terdapat dalam teks tersebut. Dalam fasa ini ‘8 *Elements of Reasoning*’ oleh Richard Paul (1992) dijadikan sebagai struktur atau protokol yang menjadi sandaran untuk murid berfikir secara kritis tanpa terlalu banyak bergantung kepada guru. Rujuk Rajah1.

Rajah 1: Lapan Unsur Pemikiran yang Diadaptasi  
dari Richard Paul 8 *Elements of Reasoning*



1. Tujuan Berfikir (*Purpose of Thinking*)
2. Menyoal Masalah (*Question at Issue*)
3. Maklumat – data, pengalaman, pemerhatian (*Information*)
4. Interpretasi dan Inferens (*Interpretation and Inference*)
5. Konsep (*Concepts*)
6. Andaian (*Assumptions*)
7. Kesan dan Akibat (*Implications and Consequences*)
8. Sudut Pandangan (*Point of View*)

### **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam dua fasa. Pada fasa pertama, murid didedahkan kepada kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah. Menerusi kaedah ini mereka diharapkan terdedah kepada budaya berfikir secara kritis dan kreatif. Selama dua minggu murid diberikan situasi yang memerlukan mereka mengenal pasti masalah yang bakal dihadapi mereka dan kemudian mencari jalan penyelesaian bagi masalah tersebut. Soalan-soalan yang berkait rapat dengan diri mereka diajukan bagi memudahkan mereka memahami konteks atau situasi dengan mudah dan mampu mengaitkan pengalaman sedia ada mereka dengan apa yang dibincangkan. Rujuk Jadual 1 bagi contoh situasi dan Jadual 2 bagi respons murid.

**Jadual 1: Contoh-contoh Situasi**

Minggu 1	Minggu 2
Manusia hanya ada sebiji mata	Sekolah tidak wujud
Manusia bertangan pendek	Siang tanpa matahari
Manusia berkaki pendek	Dunia tanpa api
Mata manusia tanpa kelopak	Waktu malam yang sangat panjang
Manusia hanya boleh melihat pada waktu malam	



## Jadual 2: Respons Murid

Masalah	Penyelesaian
Sukar untuk kita mengambil barang	Gunakan bangku / tangga Terpaksa berjalan lebih
Kita akan selalu penat (kerana terpaksa berjalan)	Mencipta alat yang boleh mencapai barang-barang yang jauh
Susah bila hendak membeli baju	Pakai sahaja baju lengan pendek (Tidak tutup aurat)
Sukar untuk kita mengambil barang	Gunakan bangku / tangga Susun / tindih bangku <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mustahil kerana kita pendek</li> </ul>
Kita akan mudah jatuh (kerana tidak dapat imbangi badan sendiri)	Jangan berlari, jalan sahaja
Tidak boleh bermain banyak sukan	Tiadakan semua sukan tersebut <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bola keranjang</li> <li>• Bola jaring</li> </ul>

Dalam fasa yang kedua, murid mengupas cerita Badang dengan memberikan penekanan kepada salah satu elemen sastera, iaitu pencirian watak. Menerusi rutin reflektif, ‘Saya selalu berfikir ..., sekarang saya berfikir’ (*I Used to Think..., Now I Think...*) oleh Ron Ritchhart (1992), mereka diminta untuk merenung pandangan yang diberikan tentang watak utama dalam teks tersebut. Pada awalnya, guru mengajukan pelbagai soalan bagi mencabar pemikiran murid berdasarkan pendapat yang mereka utarakan. Aktiviti ini bertujuan untuk merangsang murid menilai pandangan dan pemikiran mereka sendiri. Pada akhir pelajaran, murid akan mencatatkan perubahan pandangan atau pendirian mereka untuk dikongsi bersama guru dan rakan-rakan yang lain. Perubahan ini terhasil apabila murid berkongsi pendapat berdasarkan soalan sokratik yang diajukan guru. Proses ini kemudiannya diulang bagi bahagian teks yang lain. Murid pula diberi peluang untuk menyampaikan dan mencabar pendapat atau pandangan rakan-rakan mereka.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada fasa pertama, kupasan atau pandangan murid terhadap situasi yang diberikan kepada murid dilihat sekadar pada tahap permukaan sahaja. Mereka gagal mengutarakan pandangan yang lebih kritis. Mereka hanya mampu memikirkan kesukaran yang bakal dihadapi berdasarkan kehendak dan keperluan mereka pada dasarnya sahaja. Walaupun kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah mampu mengajak murid berfikir namun mereka tidak mampu berfikir secara kritis tanpa adanya panduan serta rangsangan guru. Mereka juga tidak mampu bertanyakan sebarang soalan bagi memahami situasi atau konteks dengan lebih mendalam. Penyelesaian yang disarankan juga kurang menarik dan tidak kreatif.

Setelah menggunakan '*The Elements of Reasoning*' oleh Richard Paul (1992), murid semakin selesa dan yakin untuk mengajukan soalan-soalan yang membantu mereka memahami situasi yang guru berikan dengan lebih baik dan teliti. Soalan yang diajukan kemudiannya dijawab guru dan jawapan-jawapan itu menjadi maklumat tambahan untuk murid bagi membantu mereka mengenal pasti apakah sebenarnya masalah yang lebih tepat yang harus diselesaikan oleh mereka.

Murid tidak hanya mengenal pasti masalah tetapi turut mencari penyelesaian. Sebaliknya mereka mula menyоalkan apakah sebab atau perkara-perkara yang mempengaruhi pemikiran mereka ketika mengenal pasti masalah yang dinyatakan. Hal ini dilakukan secara individu, berkumpulan dan kemudiannya dengan guru serta rakan-rakan sedarjah mengikut '*The Elements of Reasoning*' oleh Richard Paul (1992). Pendekatan ini memberi ruang kepada murid untuk menilai sama ada pandangan mereka itu bernalas bukan hanya sekadar mengikut pendapat orang lain dan bukannya berdasarkan fakta sebenar. Mereka juga lebih terangsang dan berminat untuk mengutarakan pendapat mahupun soalan dan tidak rasa terbeban bila diminta berfikir menerusi soalan-soalan guru. Pendekatan ini telah membolehkan murid memberikan hasil yang lebih baik jika dibandingkan pada peringkat awal kajian ini.



Rutin refleksi '*I Used to Think..., Now I Think...*' oleh Ron Ritchhart yang digunakan memberi ruang kepada murid untuk mencatatkan apa yang mereka fikirkan. Mereka mampu untuk menyatakan perubahan idea atau pandangan mereka dan turut memberi sebab bagi perubahan tersebut. Murid menunjukkan tahap persediaan yang lebih baik semasa mengupas teks sastera yang dipilih. Mereka lebih selesa menerima soalan-soalan guru dan mampu memberikan respons yang positif bila dirangsang bagi mengenal pasti isu seperti, tema, dan pencirian watak. Mereka juga mampu membuat kaitan antara isi teks dengan pengalaman mereka sendiri berdasarkan perkongsian pengalaman atau pandangan mereka terhadap sesuatu perkara yang ditimbulkan guru.

Dapatan kajian menunjukkan apabila murid didedahkan kepada proses berfikir secara berstruktur, mereka dapat memberikan idea dengan lebih baik. Mereka juga dapat membuat refleksi, lebih aktif dalam perbincangan dan mampu mengutarakan pendapat yang lebih baik yang terhasil daripada perbincangan dengan guru dan rakan-rakan berdasarkan kaedah dan pendekatan yang digunakan. Kini, murid tidak rasa bosan bila disoal baik oleh guru maupun rakan-rakan. Malah, mereka sendiri semakin banyak bertanya untuk memahami situasi yang sedang mereka alami. Mereka turut menggunakan '*Elements of Reasoning*' dalam latihan seharian mereka bagi mereka fahami kehendak dan keperluan petikan yang dibaca maupun soalan-soalan yang diberikan.

Semasa proses kajian ini dijalankan, terdapat cabaran yang dihadapi guru. Guru harus bersedia dan bijak mencungkil isi-isi penting menerusi perkongsian untuk dijadikan bahan mengajar agar tidak lari daripada fokus setiap pengajaran yang dijalankan. Kebolehan atau teknik menyoal guru juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan murid terus aktif dalam perbincangan dan dalam masa yang sama masih dapat merangsang mereka mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, guru juga berhadapan dengan kebolehan murid yang berbeza yang mana kadang kala boleh menimbulkan kesukaran bagi guru untuk membentuk pemikiran kritis murid seperti yang diharapkan. Guru perlu mampu menguasai teknik menyoal dengan baik kerana kemahiran ini penting bagi menentukan atau mempengaruhi pemikiran murid dalam sesuatu pelajaran.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa kebolehan berfikir murid boleh dan perlu diasah. Pendekatan komunikatif di bilik darjah menerusi kaedah pembelajaran berasaskan masalah yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan ‘*The Elements of Reasoning*’ oleh Richard Paul (1992) telah membolehkan murid lebih terarah dalam memberikan idea yang kritis. Pendekatan ini telah mampu merangsang murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif selaras dengan Hasil Pendidikan yang Diingini bagi kecekapan abad ke-21. Selain itu, mereka dapat mengenal pasti isu-isu yang terdapat dalam teks sastera yang digunakan serta mengaitkannya dengan pengalaman mereka sendiri bagi membentuk atau mengubah pandangan mereka sendiri dalam sesuatu perbincangan. Rutin refleksi yang digunakan turut membantu murid untuk menilai pandangan mereka dan bagaimana mereka menguasai kebolehan untuk menjelaskan idea mereka dengan lebih berkesan.

## RUJUKAN

- CE Hmelo Silver. (2004). Problem-based learning: What and how do students learn? *Educational psychology review* 16 (3), 235-266
- Dunlap, Joanna C. (1970). *Problem-based learning and self-efficacy*, Denver: Educational Technology Research and Development.
- Quah May Ling and Ho Wah Kam (1998). *Thinking Process: Going Beyond the Surface Curriculum*, Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Richard Paul and Linda Elder (1992). *The Critical Thinking Community*, Dillon Beach, CA: The Foundation for Critical Thinking.
- Ron Ritchhart, Mark Church and Karin Mirrison (2011). *Making Thinking Visible*, San Francisco, CA: Jossey Bass.

